

Media Title : Berita Harian  
Headline : Dua wanita rugi RM380,000 akibat sindiket Macau Scam  
Date : 22 January 2023  
Section : Nasional  
Page : 20



# Dua wanita rugi RM380,000 akibat sindiket Macau Scam

**Kuantan:** Dua wanita kerugian lebih RM380,000 selepas menjadi mangsa sindiket Macau Scam dalam dua kejadian berasingan di Maran dan Temerloh

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf, berkata Jabatan Siasatan Jenayah Komerisial (JSJK) Pahang menerima dua kes penipuan iaitu dalam kes pertama, mangsa yang juga Penolong Pegawai Pertanian berusia 45 tahun menerima panggilan telefon daripada suspek yang memperkenalkan diri sebagai pegawai insurans dan mengatakan mangsa ada membuat tiga tuntutan palsu, pada November tahun lalu.

"Mangsa diminta membayar dana ikat jamin sebanyak RM400,000 untuk menyelesaikan kes. Dengan perasaan takut, mangsa dedahkan semua maklumat akaun perbankan sebelum mendapati wang simpanan sebanyak RM215,100 hilang dan pemeriksaan dengan pihak bank mendapati wang

simpanannya itu dipindahkan ke akaun bank lain melalui 33 transaksi," katanya dalam kenyataan semalam.

## Menyamar pekerja kurier

Ramli berkata, dalam satu lagi kejadian, mangsa berusia 37 tahun dari Temerloh menerima panggilan telefon yang menyamar sebagai pekerja syarikat kurier pada 13 Januari lalu, yang mengatakan mangsa me-

nerima barangan terlarang seperti kad sim, kad ATM (mesin juruwang automatik), buku cek token bank dan *pendrive* yang dihantar kepada penerima Tan Boon Hua.

"Suspek kemudian memberikan satu pautan kepada mangsa untuk mengisi maklumat perbankan, selain diminta memindahkan semua wang daripada simpanan Tabung Haji ke akaun bank yang dibuka atas arahan suspek," katanya.

“Suspek kemudian memberikan satu pautan kepada mangsa untuk mengisi maklumat perbankan, selain diminta memindahkan semua wang daripada simpanan Tabung Haji ke akaun bank yang dibuka atas arahan suspek”



**Ramli Mohamed Yoosuf,**  
Ketua Polis Pahang